

DISLEKSIA DALAM ASPEK BACAAN BAHASA MELAYU

Noor Aina Dani dan Vijayaletchumy Subramaniam

Abstrak

Kajian dijalankan di sebuah sekolah rendah kebangsaan dan subjek kajian terdiri daripada murid Melayu tahap dua. Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994) diterapkan dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan murid yang dikaji tergolong dalam kategori disleksia visual atau disleksia auditori. Murid disleksia visual sukar belajar melalui gambaran pandang kerana mereka tidak mengekalkan imej sesuatu perkataan yang lengkap. Mereka sesuai didedahkan kepada pendekatan analisis fonetik dalam pembelajaran bacaan. Murid disleksia auditori mengalami masalah pengamatan pendengaran. Oleh itu, mereka lemah tanggapan dan ingatan. Mereka perlu diberi pendekatan bentuk visual dalam pembelajaran bacaan.

Terdapat beberapa kaedah pembelajaran bacaan yang sesuai untuk murid disleksia di Malaysia. Antaranya ialah kaedah Orton Gillingham, pemulihan pembalikan huruf, dan pemulihan untuk huruf terbalik. Semua kaedah ini mempunyai teknik yang tersendiri.

Abstract

This research has been carried out in a national primary school and the subjects are Malay pupils in level two. Dyslexia Syndrome Theory by Levinson (1994) is applied in this research. The result shows that most of the pupils included in this research can be classified under the category of visual dyslexia or auditory dyslexia. Visual dyslexics face difficulty in learning through visualizing objects because of their inability to retain the image of a word holistically. It is more appropriate to expose them to the phonetic analysis approach while learning reading. An auditory dyslexics experience difficulty in observing hearing. Therefore, they are weak in perceiving and memorizing. The visual approach in learning reading need to be applied to them.

There are several methods of learning reading which are suitable for dyslexic pupils in Malaysia such as Orton-Gillingham method, remedial for reverse letters, and remedial for inverse letters. These methods possessed their own techniques.

PENGENALAN

Disleksia dalam aspek bacaan memang wujud tetapi ramai guru bahasa yang tidak menyedari hal ini kerana kekurangan pengetahuan tentang disleksia. Dengan itu, murid disleksia dimasukkan ke dalam kelas biasa dan terpaksa bersaing dengan murid yang normal dalam semua aspek pembelajaran bahasa. Akibatnya, murid disleksia mendapat markah yang lebih rendah daripada murid normal dan mereka dianggap sebagai murid lembap. Faktor ini mendorong penyelidik membuat penyelidikan tentang disleksia. Oleh sebab skop disleksia terlalu luas, maka penyelidik hanya memilih satu aspek, iaitu bacaan, dengan harapan dapat mengembangkan ilmu pengetahuan yang baharu dalam pembelajaran bahasa murid disleksia.

Penyelidik menjalankan kajian di Sekolah Rendah Kebangsaan Serdang, Selangor Darul Ehsan. Subjek kajian terdiri daripada tujuh orang murid Melayu di tahap dua. Kaedah kajian yang digunakan terdiri daripada pemerhatian dan temu bual. Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994) diterapkan sebagai kerangka teori dalam penyelidikan ini.

Dapatan kajian dari aspek bacaan bahasa Melayu murid Melayu di tahap dua menunjukkan memang terdapat murid yang mengalami disleksia dalam kelas biasa. Selepas penyelidik membuat ujian saringan, kebanyakan murid disleksia ini boleh dikategorikan sama ada sebagai disleksia visual atau disleksia auditori. Konsep pembelajaran bahasa murid disleksia visual didapati berlainan dengan murid disleksia auditori. Murid disleksia visual tidak dapat belajar melalui gambaran pandang kerana mereka sukar mengekalkan imej sesuatu perkataan yang lengkap. Mereka perlu diberi pendekatan pembelajaran bacaan bentuk fonetik. Murid disleksia auditori mengalami masalah mengamati pendengaran. Mereka lemah dari segi tanggapan dan ingatan. Mereka tidak dapat menguasai kemahiran yang diperlukan untuk latihan analisis fonetik berasaskan diskriminasi bunyi huruf dalam perkataan yang sama. Mereka memerlukan pendekatan pembelajaran bacaan bentuk visual.

Penyelidik juga telah mengenal pasti pendekatan dan aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid disleksia. Murid disleksia visual sesuai diberikan latihan mengenal per-

kataan, pemerincian, mengenal orientasi abjad, gambaran urutan abjad dalam perkataan, dan rentak kadar diskriminasi perkataan. Murid disleksia auditori sesuai diberi latihan kesejajaran dengar-pandang, pilihan perkataan yang bermakna, kaitan simbol bertulis dengan pengalaman, pengenalan frasa dan ayat yang asas, dan cerita berasaskan pengalaman bahasa.

Selanjutnya, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan murid disleksia yang boleh diketengahkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Antaranya ialah kaedah Ortan Gillingham, pemulihan pembalikan huruf, dan pemulihan untuk huruf terbalik. Semua kaedah ini mempunyai teknik yang tersendiri.

Objektif Kajian

Penyelidik berhasrat untuk mencapai dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti jenis disleksia yang ada kaitan dengan aspek bacaan dan mengenal pasti kaedah pembelajaran bacaan murid disleksia mengikut jenisnya. Dapatan kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik pada bulan Februari 2001 menunjukkan terdapatnya disleksia jenis visual dan jenis auditori dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Dalam aktiviti kemahiran membaca, murid disleksia visual dapat mengenal huruf serta dapat membunyikan sebutan huruf tetapi tidak dapat membatangkan suku kata menjadi satu perkataan. Mereka membaca huruf dengan cara terbalik. Murid disleksia jenis auditori tidak dapat mengeja perkataan dengan betul, menggantikan huruf tertentu bagi sesuatu perkataan yang dibaca, dan menambah bunyi sebutan pada sesuatu perkataan. Di sebalik semua kelemahan tersebut, individu disleksia ialah pemikir dimensi pelbagai, kreatif melampau, dan berintuitif (punya kebolehan mengetahui sesuatu dengan hanya bisikan kalbu). Mereka mengatasi orang lain dalam pembelajaran tersedia (*hands-on*). Oleh sebab mereka berfikir dalam bentuk gambar, maka sukar untuk mereka memahami huruf, nombor, simbol, dan perkataan bertulis. Akan tetapi, mereka boleh belajar membaca, menulis, dan mengira dengan berkesan sekiranya sesuatu kaedah pembelajaran dipacu mengikut acuan dan gaya pembelajaran mereka yang unik itu (Davis, 2001).

Benton & Pearls (1978) membezakan kanak-kanak disleksia daripada kanak-kanak lembam berdasarkan beberapa perkara. Salah satu daripadanya ialah membandingkan keupayaan intelek. Keupayaan intelek kanak-kanak disleksia bermula dari aras sederhana atau atas aras sederhana. Aras kecerdasan ialah 100 atau melebihi 100. Mereka dikenal pasti sebagai lembam pada peringkat awal pembelajaran sahaja. Mereka juga kurang

memahami topik pelajaran yang diperkatakan oleh guru tetapi menunjukkan sifat ingin tahu dan ada asas pengetahuan lisan. Pada mulanya, ujian diagnostik yang dijalankan terhadap kanak-kanak tersebut tidak dapat mengkategorikan mereka ke dalam kumpulan kanak-kanak lembam. Secara perbandingan, keupayaan intelek kanak-kanak lembam adalah terhad, iaitu pada aras kecerdasan 70 atau kurang daripada 70. Kebanyakannya kurang kemahiran membaca dan menulis yang berterusan, kurang naluri ingin tahu, dan prestasi pembelajaran rendah. Ujian diagnostik yang mempunyai kesahan telah dibina oleh Jordan (1992). Ujian tersebut meliputi saringan lisan dan tulisan, dan berkesan untuk menguji murid disleksia yang bermasalah dalam aspek bacaan. Dengan menggunakan Ujian Jordan (1992), penyelidik dari Malaysia, iaitu Zalizan Mohd. Jelas dan Khadijah Rohani Mohd. Yunus (1996), telah dapat menghasilkan skala pemarkahan perkembangan murid disleksia visual dan auditori. Murid disleksia visual dapat melihat dengan baik tetapi tidak dapat membezakan dan menginterpretasikan perkataan yang dilihat. Murid disleksia auditori dapat melihat persamaan antara perkataan tetapi tidak dapat mengenal pasti bunyi dalam setiap perkataan, juga tidak dapat mengadun bunyi fonem untuk membina satu perkataan (Obler & Gjerlow, 2001). Deskripsi yang berkaitan dengan ciri disleksia terkandung dalam Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994). Teori ini menghuraikan secara terperinci tentang disleksia dalam bacaan, tulisan, dan aritmetik.

Kajian tentang disleksia yang pernah dijalankan di Malaysia masih kurang. Gupta (1993) pernah menjalankan kajian klinikal tentang disleksia di Hospital Universiti Sains Malaysia. Gupta menjelaskan bahawa disleksia boleh melebihi 25% daripada keseluruhan jumlah pelajar dalam sesebuah sekolah. Beliau menganggarkan dua juta kes disleksia di Malaysia dan bilangan tersebut agak membimbangkan. Masalah utama yang dihadapi oleh mereka yang disleksia di Malaysia adalah lemah dalam kemahiran grafik-fonemik. Sebanyak 60% daripada subjek kajiannya mengalami masalah tersebut. Kajian yang lain kebanyakannya ialah jenis deskriptif, yang berkaitan dengan kelas pendidikan khas, pentadbiran ujian saringan untuk mengasingkan kanak-kanak lembam daripada kanak-kanak disleksia, dan cadangan tentang teknik dan kaedah pembelajaran untuk kanak-kanak disleksia, umpamanya kajian Maskina Elias (2000) tentang perbezaan disleksia visual dengan disleksia auditori. Tindakan susulan jarang-jarang dilakukan oleh penyelidik tempatan, bahkan pada tahun 2002, Sekolah Kanak-kanak Khas Bermasalah Pembelajaran tidak memasukkan kanak-kanak disleksia dalam senarai kanak-kanak yang diterima sebagai murid. Contohnya, Sekolah Kebangsaan (L) Jalan Batu (1), Jalan Raja Laut, Kuala

Lumpur. Penyelidik berpendapat bahawa murid disleksia memerlukan kelas khas supaya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang bersesuaian dengan daya kognitif mereka dapat dilaksanakan kerana kemahiran membaca murid disleksia visual dan disleksia auditori memang berlainan. Di samping melihat gerak balas luaran, ada juga kebarangkalian peluang mengenali faktor neurologi tentang disleksia visual dan disleksia auditori.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Rendah Kebangsaan Serdang, Selangor Darul Ehsan. Kaedah kajian ialah kajian kes yang memanipulasikan keseluruhan populasi. Kajian ini melibatkan murid tahun lima yang berbangsa Melayu. Jangka masa kajian adalah selama satu penggal persekolahan, bersamaan dengan enam bulan, mulai Mei 2001 hingga Oktober 2001. Kajian tentang pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan merangkumi murid disleksia jenis visual dan jenis auditori.

Bagi murid disleksia jenis visual, pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan ditumpukan kepada masalah mengenal huruf dan membaca huruf dengan cara terbalik. Bagi murid disleksia jenis auditori, pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan ditumpukan kepada masalah mengeja perkataan dengan betul, tetapi disebut lain dan terdapat penggantian huruf. Selain itu, penyelidik juga mengkaji masalah penambahan bunyi sebutan perkataan semasa murid sedang membaca teks. Turut dikaji ialah kaedah pembelajaran bahasa murid disleksia yang digunakan oleh tenaga pengajar di *Ecole Centennial Park School*, Kanada. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dan temu bual untuk mendapatkan data kajian.

Kerangka Teori

Untuk menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan Teori Sindrom Disleksia yang diutarakan oleh Levinson (1994). Mengikut Levinson (1994), terdapat disleksia dalam bacaan, disleksia dalam tulisan, dan disleksia dalam aritmetik.


Sebilangan besar murid disleksia menunjukkan tanda tidak dapat mengimbangi daya mengingat huruf dengan perkataan, sama ada secara visual atau secara fonetik. Murid cuba mengingati bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan berulang kali kerana mereka mudah lupa. Untuk mengatasi kelemahan ini, kebanyakan murid disleksia menyediakan bentuk huruf, bunyi huruf, dan gabungan perkataan supaya kelemahan mereka tidak

dapat dikesan oleh guru sehinggalah beberapa tahun kemudian.

Contoh ketidakseimbangan daya mengingat huruf dengan perkataan secara visual atau fonetik adalah jelas bagi huruf *b* dan *d*, seperti perkataan *was* dengan *saw*, *on* dengan *no*, dan *god* dengan *dog*.

Semasa murid disleksia sedang membaca, berlaku penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf. Mata murid disleksia tidak dapat mengimbas huruf, kata, dan ayat yang berlainan. Oleh sebab mata mereka sukar mengimbas bahan bacaan, maka huruf, kata, dan ayat dilangkau-langkau. Hal ini mengakibatkan tumpuan dan pemahaman yang lemah terhadap bahan bacaan. Oleh itu, murid disleksia tidak dapat memahami bahan bacaan yang sedang dibaca kerana apa-apa yang diimbas oleh mata dilihat bertaburan di sana sini.

Akibat kesukaran pengimbasan oleh mata, huruf yang kecil sering kali dilangkau, seolah-olah memperlihatkan bahawa huruf kecil sukar dikenali berbanding dengan huruf yang lebih besar. Selain itu, huruf dalam suku kata dan segmen perkataan juga sering dilangkau, dan ini mengakibatkan kesalahan seperti *P* untuk *O* atau *I*, *T* untuk *I*, *read* untuk *red*, dan *us* untuk *bus*. Perbuatan ini mencetuskan paduan atau kesalahan penukaran perkataan. Ada murid disleksia yang melihat imbasan *the cat* atau *good boy* yang membacanya sebagai *that* dan *go by*. Dengan menyemak kesalahan yang berlaku dan mekanisme yang terhasil sewaktu murid disleksia membaca ayat "*The cat jumped over the moon.*" pembaca akan mendapat pemahaman yang jelas tentang cara menganalisis bacaan murid-murid disleksia.



Rajah 1 Mekanisme kesalahan bacaan murid disleksia.

Sumber: Levinson (1994).

Seterusnya, pembaca dapat memahami secara mendalam mekanisme yang menyebabkan kesalahan bacaan dalam kalangan murid tersebut.

Rajah 1 menggambarkan kesalahan yang sering dilakukan oleh murid disleksia. Rajah 1 juga menggambarkan mekanisme yang berlaku sewaktu murid disleksia cuba membaca ayat "*The cat jumped over the moon.*", dengan menggunakan kaedah analisis kesalahan, dapat diketahui bahawa mekanisme yang terlibat ialah kegagalan mengesan huruf akibat melihat susunan bahan bacaan yang bertabur merupakan salah satu daripada ciri bacaan murid disleksia. Keadaan ini menyebabkan pengguguran huruf atau perkataan daripada kedudukannya yang asal.

Contoh: *The cat jumped over the moon.*
e c jump over the moon. → Pengguguran huruf
The cat jumped over. → Pengguguran perkataan

Sering kali, segmen huruf diganti sehingga mewujudkan pembentukan huruf, perkataan atau ayat yang baharu.

Contoh: *The cat jumped over the moon.*
The cat jumped over that moon.

Pemindahan makna berlaku apabila perkataan subjek yang disebut bukan lagi subjek asal.

Contoh: *The cat jumped over the moon.*
Ted jumped over the moon.

Teks visual yang asal atau susunan ayat terganggu sekiranya berlaku penyisipan, pemeluwapan, pembalikan, dan agakan.

Contoh: *The cat jumped over the moon.*
The cat jumped took over the moon. → Penyisipan
That jump over the moon. → Pemeluwapan
The cat jumped over the noom. → Pembalikan
The cat jumped over the man. → Agakan

Jika terdapat fonem yang sama dalam susunan bunyi yang sejajar dengan perkataan yang terlibat, maka berlakulah gangguan mekanisme seperti pada Rajah 1, tanpa mengira daya kecerdasan murid disleksia. Fonetik atau input auditori menjadi kabur, tidak tersusun, dan terbalik. Ciri inilah yang terdapat dalam bacaan murid yang menghidap disleksia. Kesan yang sebegini boleh dikaitkan dengan penglihatan.

Oleh sebab berlaku kecederaan pada kawasan cuping temporal yang ada kaitan dengan penglihatan dan auditori, maka perkataan atau bunyi yang dituturkan oleh murid disleksia agak kabur atau tidak jelas. Pada masa tertentu, telinga atau mata murid seperti tersumbat atau tertampal sepele kata. Hal ini menyebabkan murid disleksia sukar mengkategorikan dan meneruskan bacaan, atau tidak dapat mengawal diri untuk kembali mengulang sebut satu perkataan yang sama. Jika mekanisme yang sama mempengaruhi minda murid disleksia, maka murid tersebut tidak dapat membebaskan pemikirannya daripada melakukan kecenderungan yang sama. Mengikut istilah psikiatrik, hal ini dirujuk sebagai ketaasuban emosi. Desakan berlaku untuk mengulangi tugas yang sama beberapa kali jika berlaku ketaasuban emosi.

Mekanisme kesalahan bacaan murid disleksia seperti yang diutarakan oleh Levinson (1994), terdapat dalam kalangan murid disleksia berbangsa Melayu dalam kajian ini, tetapi pemindahan, pembalikan, dan pemeluwapan tidak dapat dikesan. Contoh mekanisme penyisipan, penggantian, dan pengguguran adalah seperti yang berikut:

1. Penyisipan

makan	menjadi	makanan
tulis	menjadi	menulis
malam	menjadi	semalam
basikal	menjadi	berbasikal
ambil	menjadi	mengambil

2. Penggantian

api	menjadi	apa
buku	menjadi	buka
telur	menjadi	telar
ikan	menjadi	akan
sekolah	menjadi	sakolah

3. Pengguguran

a. Perkataan

pilihan	menjadi	pilih
jawatan	menjadi	jawat
basikal	menjadi	basi

serupa	menjadi	rupa
larangan	menjadi	larang
sokongan	menjadi	sokong

b. Ayat

Emak membuat air kopi.	menjadi	Emak kopi.
Emak menjahit baju.	menjadi	Emak jahit baju.
Ayah membaca surat khabar.	menjadi	Ayah baca.
Kakak membawa buah.	menjadi	Kakak buah.
Doktor membalut tangan.	menjadi	Doktor balut tangan.

Subjek Kajian

Tujuh orang murid telah dipilih sebagai subjek kajian. Untuk tujuan kerahsiaan, nama sebenar murid digantikan dengan nama samaran.

Yang berikut ialah sebab-musabab tujuh orang murid dipilih menjadi subjek kajian.

No.	Nama Pelajar	Umur	Bangsa
1.	Subjek C	11	Melayu
2.	Subjek E	11	Melayu
3.	Subjek G	11	Melayu
4.	Subjek J	11	Melayu
5.	Subjek L	11	Melayu
6.	Subjek O	11	Melayu
7.	Subjek Q	11	Melayu

1. Hasil ujian saringan mendapati murid yang berkenaan mempunyai ciri disleksia. Antaranya ialah mereka membuat kesalahan huruf seperti pembalikan huruf, penambahan huruf, penggantian huruf, masalah pengamatan, masalah pembalikan, mempunyai daya ingatan yang lemah, mempunyai kosa kata yang sedikit, dan sebutan serta pertuturan yang tidak teratur.

2. Walaupun murid mempunyai masalah membaca, mereka masih boleh menguasai kemahiran aritmetik, sekurang-kurangnya kemahiran asas mengira yang mudah.
3. Murid mempunyai tahap daya kecerdasan mental yang normal. Hal ini terbukti kerana murid turut mengalami pertumbuhan fizikal yang normal seperti kanak-kanak biasa. Bezanya, mereka mengalami masalah membaca yang disebabkan oleh disleksia. Daripada ujian saringan yang mengandungi aspek perkembangan dalam mata pelajaran, membaca, matematik, lukisan, integrasi sosial, tingkah laku, dan kemahiran mata kasar, jelas menunjukkan mereka mampu melakukannya sama seperti rakan sebaya mereka yang normal. Jika daya kecerdasan mental mereka rendah atau tidak normal, sudah tentu mereka gagal mencapai keputusan yang baik.

KAEDAH KAJIAN

Temu Bual

Selepas senarai semak disleksia diaplikasikan ke atas subjek kajian, penyelidik menemu ramah guru untuk memastikan ketepatan senarai semak masalah disleksia dan senarai semak tingkah laku murid. Senarai semak masalah disleksia mengandungi 10 faktor, iaitu faktor am, lisan, mengeja (bertulis), mengeja (lisan), membaca, keupayaan menulis, kesukaran semasa menulis, hasil tulisan, nombor, dan tingkah laku. Sekiranya murid mempunyai lebih daripada setengah masalah dalam satu-satu bidang, maka murid tersebut dianggap menghidap disleksia. Senarai semak tingkah laku mengandungi 36 ciri. Jika murid berkenaan mempunyai 10 atau lebih tingkah laku yang terdapat dalam senarai, maka murid tersebut dianggap menghidap disleksia.

Pemerhatian Terkawal

Pemerhatian terkawal digunakan untuk mengumpul data jenis respons dikawal secara langsung oleh penyelidik. Individu yang dikaji akan menunjukkan gerak balas terhadap bahan-bahan bertulis seperti ujian *Jordan Oral Screening Test* (JOST) dan *Jordan Written Screening Test* (JWST). JOST mengandungi lapan tahap bacaan daripada yang mudah hingga kepada yang abstrak. Murid perlu membaca perkataan dari satu tahap ke satu tahap,

dan seterusnya. Jika murid tidak dapat membaca sesuatu perkataan, murid diminta meninggalkan perkataan tersebut dan terus membaca perkataan yang lain. Setiap tahap dicatat jumlah atau skor bacaan yang diperoleh murid. JWST mengandungi 18 tahap kemahiran tulisan. Ujian 1 hingga ujian 14 dibuat secara berkumpulan. Murid dikehendaki menulis jawapan berdasarkan soalan atau arahan yang dibaca oleh guru, yang menguji tahap auditori, ingatan, dan tulisan murid. Ujian 15 hingga ujian 18 berbentuk ujian individu. Kebanyakan item menghendaki murid mengulang semula apa yang dibaca oleh guru (menguji kemahiran mendengar dan mengingat). Penyelidik juga menghasilkan data menerusi tingkah laku subjek kajian semasa dalam situasi pembelajaran bahasa yang formal (lihat persembahan data kajian).

Pemerhatian Turut Serta

Pemerhatian turut serta dijalankan di Kanada dengan tujuan untuk mendapatkan kaedah pembelajaran disleksia yang diamalkan oleh tenaga pengajar di sana.

PERSEMBAHAN DATA KAJIAN

Jenis Disleksia yang Ada Hubungan dengan Aspek Bacaan

Untuk memastikan jenis disleksia yang ada kaitan dengan aspek bacaan, penyelidik menggunakan JOST dan JWST. JOST mengandungi 12 tahap seperti yang berikut:

- Tahap 1 – Suku kata VKV
- Tahap 2 – Suku kata KV KV
- Tahap 3 – Suku kata V KVK
- Tahap 4 – Suku kata KV KVK
- Tahap 5 – Suku Kata KVK KV
- Tahap 6 – Suku kata KVK KVK
- Tahap 7 – Suku kata KV KV KV
- Tahap 8 – Suku kata KV KV KVK

Analisis JOST yang telah dijalankan oleh penyelidik ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1 Rekod Ujian Diagnostik JOST.

Tahap bacaan dicapai Subjek	Tahap Bacaan											Jumlah tahap bacaan keseluruhan
	1	2	3	4	5	6	7	8				
1. C	4	9	6	3	3	2	1	2				3.0
2. E	7	10	9	5	5	2	4	1				4.3
3. G	8	10	7	6	3	0	2	0				3.6
4. I	6	10	10	6	8	6	6	4				5.0
5. L	8	10	6	6	5	3	5	0				4.3
6. O	5	10	8	3	1	0	0	0				2.6
7. Q	7	10	8	8	7	6	6	1				5.3

Berdasarkan Jadual 1, kebanyakan subjek kajian dapat mengenal dan menyebut huruf tetapi tidak dapat membatangkan suku kata untuk menjadikannya satu perkataan yang bermakna. Ada perkataan yang dieja dengan betul tetapi disebut lain, iaitu:

1. ibu disebut abu
2. oren disebut aren
3. ini disebut ani
4. abu disebut bua
5. ikan disebut kan

Terdapat huruf yang dibaca terbalik. Hal ini ada kaitan dengan masalah pengamatan visual. Huruf yang dibaca terbalik itu adalah seperti yang berikut:

1. huruf 'b' dibaca sebagai 'p' ('buku' dibaca 'puku')
2. huruf 'd' dibaca sebagai 'b' ('dalam' dibaca 'balam')

3. huruf 'b' dibaca sebagai 'd' ('bantu' dibaca 'dantu')
4. huruf 'p' dibaca sebagai 'b' ('pilihan' dibaca 'bilihan')
5. huruf 'm' dibaca sebagai 'w' ('masa' dibaca 'wasa')
6. huruf 'd' dibaca sebagai 'p' ('adik' dibaca 'apik')
7. huruf 'n' dibaca sebagai 'u' ('makan' dibaca 'makau')

Turut berlaku ialah pemendekan sebutan oleh subjek kajian, iaitu:

1. 'pelupa' disebut 'lupa'
2. 'cahaya' disebut 'caya'
3. 'sahaja' disebut 'saja'
4. 'botak' disebut 'tak'
5. 'rumah' disebut 'mah'
6. 'sokongan' disebut 'sokong'

Subjek kajian turut menambahkan bunyi sebutan pada perkataan yang berikut:

1. perkataan 'makan' ditambah menjadi 'makanan'
2. perkataan 'salam' ditambah menjadi 'semalam'
3. perkataan 'lompat' ditambah menjadi 'melompat'
4. perkataan 'rumah' ditambah menjadi 'di rumah'
5. perkataan 'baca' ditambah menjadi 'membaca'
6. perkataan 'pantun' ditambah menjadi 'berpantun'
7. perkataan 'cerita' ditambah menjadi 'bercerita'

Penggantian huruf lain dalam lisan subjek kajian didapati ada kaitan dengan masalah pengamatan visual. Penggantian huruf tersebut dipaparkan di bawah ini:

1. perkataan 'ikan' dibaca sebagai 'akan'
2. perkataan 'bomba' dibaca sebagai 'bonda'
3. perkataan 'api' dibaca sebagai 'apa'
4. perkataan 'buku' dibaca sebagai 'buka'
5. perkataan 'kotak' dibaca sebagai 'katak'
6. perkataan 'salam' dibaca sebagai 'malam'
7. perkataan 'bantu' dibaca sebagai 'hantu'

Data kajian juga menunjukkan subjek kajian tidak dapat menyebut bunyi 'e' pepet dengan betul. Sebutan 'e' pepet diganti dengan 'e' taling.

Contoh:

- | | | |
|------------|---------|-----------|
| 1. seluar | disebut | [seluar] |
| 2. belacan | disebut | [belaʒan] |
| 3. berita | disebut | [berita] |
| 4. selesa | disebut | [selesa] |
| 5. serupa | disebut | [serupa] |
| 6. selekeh | disebut | [selekeh] |
| 7. lembu | disebut | [lembu] |

JWST mengandungi 18 jenis ujian seperti yang berikut:

- 1 : Menulis huruf yang disebut.
- 2 : Menulis tarikh lahir sendiri.
- 3 : Menulis nama hari dalam seminggu.
- 4 : Menulis nama bulan dalam setahun.
- 5 : Menyalin pantun dari carta.
- 6 : Menulis perkataan yang disebutkan.
- 7 : Menulis semula rajah yang diberi sebanyak tiga kali.
- 8 : Menulis huruf yang disebut.
- 9 : Menulis huruf awal yang didengar.
- 10 : Menulis huruf akhir yang didengar.
- 11 : Menulis dua huruf awal yang didengar.
- 12 : Menulis dua huruf akhir yang didengar.
- 13 : Menandakan perkataan yang sama seperti yang terdapat pada kad yang diberi.
- 14 : Menandakan perkataan yang sama seperti yang disebutkan.
Ujian individu:
- 15 : Menyebut semula apa yang telah dibaca.
- 16 : Menyebut semula ayat yang telah dibacakan.
- 17 : Menyebut semula nombor yang telah dibacakan.
- 18 : Memberikan perkataan yang hampir sama bunyinya dengan perkataan yang diberi:

Jadual 2 Rekod Ujian Individu Diagnostik JWST.

Tahap sebutan yang dicapai	Tahap Sebutan											Tahap sebutan keseluruhan
	1	2	3	4	5	6	7	8				
Subjek/Tahun												
1. C/5			3.0									3.0
2. E/5				4.3								4.3
3. G/5			3.6									3.6
4. I/5					5.0							5.0
5. L/5				4.3								4.3
6. O/5		2.7										2.7
7. Q/5					5.3							5.3

Daripada Jadual 2, data subjek kajian C menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Berlakunya pembalikan lambang huruf (masalah visual).
2. Pengamatan auditori ke atas huruf dan nombor yang dibacakan tidak memuaskan. Subjek tidak dapat mengulang sebut dengan tepat perkataan yang didengar.
3. Kurang pengetahuan am.
4. Lemah kemahiran menulis (tulisan tidak kemas).
5. Lemah kemahiran ejaan, sama ada lisan atau bertulis.
6. Lemah perbendaharaan kata.

Daripada Jadual 2, data subjek kajian E menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Keliru sebutan bunyi huruf yang hampir sama bunyinya, 'f', 's', 't', 'c', dan sebagainya (aspek pengamatan auditori).

2. Tidak mempunyai pengetahuan am yang luas, contohnya tidak tahu tarikh lahir dan nama bulan dalam setahun.
3. Huruf yang dilihat tidak disalin dengan betul. Huruf 'u' daripada perkataan 'jua' ditulis 'a' menjadi 'jaa' (masalah visual).
4. Ejaan lemah.
5. Kurang berusaha.
6. Pengamatan auditori ke atas huruf dan nombor yang dibacakan tidak memuaskan.
7. Lemah perbendaharaan kata.

Daripada Jadual 2, data subjek kajian G menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Mengalami masalah pengamatan visual (pembalikan lambang huruf dan penggantian huruf).
2. Pengamatan auditorinya tidak memuaskan. Perkataan yang didengar tidak dapat diulang sebut dengan tepat.
3. Tidak mempunyai pengetahuan am yang luas.
4. Hasil tulisan tidak memuaskan dan kurang daya usaha.
5. Lemah perbendaharaan kata.
6. Lemah dalam kemahiran ejaan.

Daripada Jadual 2, data subjek kajian I menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Yang didengar lain dan yang ditulis juga lain hingga menyebabkan penggantian huruf (masalah pengamatan auditori). Contoh huruf yang dibacakan dan didengar ialah 'j' tetapi ditulis sebagai 'k', huruf 'f' ditulis 's'.
2. Berlaku pembalikan lambang huruf (masalah visual) 'p' ditulis 'b' dan 'd' ditulis 'b' manakala huruf 'j' ditulis terbalik.
3. Pengetahuan am lemah.
4. Hasil tulisan tidak memuaskan. Pengamatan auditorinya lemah. Terdapat nombor, huruf dan perkataan yang tertinggal, tidak dapat diulang sebut seperti yang dibacakan.
5. Perbendaharaan kata juga lemah.

Daripada Jadual 2, data subjek kajian L menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Masalah pengamatan auditori yang menyebabkan berlakunya

- penggantian huruf dan tidak mengulang sebut nombor, huruf, perkataan dan barisan ayat dengan lengkap.
2. Tulisan dan hasil kerja bertulis kurang memuaskan.
 3. Kurang pengetahuan am. Tidak tahu tarikh lahir sendiri dan tidak tahu menyebut susunan nama bulan dalam setahun.
 4. Lemah perbendaharaan kata.
 5. Mengalami masalah pengamatan visual. Terdapat kesalahan dalam menyalin semula perkataan mengikut contoh yang diberikan.
 6. Lemah dalam ejaan.

Daripada Jadual 2, data subjek kajian O menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Mengalami masalah pengamatan auditori. Huruf 'f' yang dibacakan ditulis 's'. Susunan nombor yang dibacakan tidak ditulis dengan lengkap, ditulis terbalik atau tertinggal. Ayat yang dibacakan tidak dapat diulang sebut dengan lengkap.
2. Mengalami masalah pengamatan visual. Huruf 'j' ditulis terbalik.
3. Pengetahuan am lemah.
4. Kurang berusaha. Apabila tidak dapat menjawab soalan, dengan nada bersahaja dia menjawab "Entah!".

Daripada Jadual 2, data subjek kajian O menunjukkan kelemahan yang berikut:

1. Tidak dapat membezakan bunyi huruf yang hampir sama. Huruf 'f' ditulis 's'. Masalah pengamatan auditori dapat dilihat apabila subjek kajian tidak dapat mengulang sebut susunan ayat dengan lengkap, susunan nombor yang dibacakan ditulis terbalik (yang awal ditulis kemudian).
2. Hasil tulisan dan kerja bertulis kurang memuaskan.
3. Pengetahuan am lemah. Subjek kajian tidak tahu tarikh lahir sendiri, tidak tahu urutan nama bulan dalam setahun.
4. Lemah dalam ejaan.
5. Lemah perbendaharaan kata.

Data kajian daripada Ujian JOST dan JWST di atas menunjukkan bahawa terdapat dua jenis disleksia, iaitu disleksia visual dan disleksia auditori.

Disleksia Visual

Disleksia visual merujuk individu yang dapat melihat dengan baik tetapi tidak dapat membuat perbezaan, interpretasi, atau mengingat perkataan yang dilihat. Tahap terjejasnya bacaan bergantung pada masalah yang dihadapi oleh individu. Ada yang begitu teruk sehinggakan tidak dapat membaca langsung, dan ada yang hanya mengalami masalah menyebut perkataan dengan suku kata yang banyak.

Yang berikut ialah ciri yang selalu dikaitkan dengan disleksia visual:

- i. Kepeyahan diskriminasi visual – ini menyebabkan kekeliruan mengenal perkataan atau huruf yang sama (bas untuk bus, pen untuk ben).
- ii. Kadar pengamatan yang lambat.
- iii. Kecenderungan kebalikan (contoh: buku > duku).
- iv. Kecenderungan songsang (contoh: air > ari).
- v. Lukisan yang bermutu rendah kerana banyak butiran penting ditinggalkan walaupun pada benda yang biasa.
- vi. Kepeyahan membuat analisis dan sintaksis visual dapat dilihat dalam kerja yang memerlukan murid mengaitkan bahagian tertentu dengan keseluruhan objek.
- vii. Tinggi daya kebolehan dalam aktiviti kemahiran auditori.
- viii. Mengutamakan aktiviti auditori kerana dapat menutup kekurangan dalam aktiviti yang berkaitan dengan pandangan.
- ix. Tidak berminat dengan permainan sukan yang mencabar.

Disleksia Auditori

Murid disleksia auditori dapat melihat persamaan antara perkataan tetapi menghadapi masalah dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan fungsi auditori (contoh: membezakan bunyi, mengenal pasti bunyi dalam setiap perkataan, pengadunan bunyi untuk menjadikan perkataan, dan membahagikan perkataan kepada suku kata).

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima ciri yang berikut, yang selalu dikaitkan dengan disleksia auditori:

- i. Diskriminasi auditori dan pengamatan yang bercelaru menyebabkan murid sukar belajar membaca mengikut kaedah fonetik.
- ii. Masalah analisis sintaksis, iaitu ketidakupayaan membahagikan perkataan kepada suku kata atau bunyi tertentu; tidak dapat menggabungkan perkataan menjadi satu ayat yang lengkap.

- iii. Tidak dapat menyebut semula bunyi dalam perkataan, tidak dapat mengingati bunyi huruf, atau tidak dapat menyebut perkataan walaupun tahu maknanya.
- iv. Tidak dapat memahami bunyi yang berurutan. Semasa menulis, mengubah urutan huruf kerana sukar mengingati atau mengekalkan urutan bunyi.
- v. Lebih cenderung memilih aktiviti yang memerlukan kemahiran visual.

KAEDAH PEMBELAJARAN BACAAN MURID DISLEKSIA

Kaedah Pembelajaran Bacaan Murid Disleksia Visual

Murid disleksia visual perlu diberikan pendekatan yang berbentuk fonetik dalam pembelajaran bacaan. Program Gillingham dan Stillman (1979) didapati sesuai untuk murid disleksia visual. Ciri penting dalam program ini ialah mengajar fonetik secara langsung dengan memperkenalkan nama-nama huruf dan bunyi, diikuti kemahiran pengadunan huruf dengan bunyi; menggunakan teknik kepelbagaian deria yang merangkumi pengajaran melalui visual, auditori, dan modus kinestetik; dan pendekatan yang menekankan langkah-langkah daripada yang paling mudah bergerak kepada peringkat yang paling sukar. Pada dasarnya, pemulihan merangkumi langkah-langkah yang berikut:

- i. Mengajar bunyi huruf.
- ii. Mengajar huruf yang bermula dengan setiap bunyi.
- iii. Mengajar mengenal huruf berdasarkan bunyi.
- iv. Mengajar perkataan-bunyi-huruf.
- v. Pengadunan bunyi menjadi perkataan yang bermakna.
- vi. Menunjukkan perkataan dalam kumpulan yang sama.
- vii. Memperkenalkan adunan bunyi daripada dua konsonan.
- viii. Memperkenalkan adunan bunyi huruf konsonan dengan vokal.
- ix. Bermula dengan ayat, perenggan dan cerita yang mudah difahami tetapi menarik.

Adaptasi Pembelajaran Bacaan

- i. Guru menyediakan rajah/bentuk/nombor dengan kemas, garisan yang jelas, dan bahan bercetak jelas serta disusun dengan baik.

- Contohnya, aktiviti persepsi visual. Murid menggunakan blok plastik atau kayu yang berwarna untuk membina corak yang sama dengan contoh yang diberikan oleh guru.
- ii. Mengimbangkan berbagai-bagai stimulasi deria. Guru menggemblengkan auditori dengan penglihatan, atau kombinasi kinestesis dengan visual, atau mengurangkan penggunaan auditori. Sebaliknya, lebihkan kinestesis. Guru perlu menjalankan sesi pembelajaran cuba jaya untuk menentukan kaedah pembelajaran yang paling berkesan.
 - iii. Menggunakan bentuk am dan konfigurasi berdasarkan teori Strauss dan Lehtinen (1947), iaitu menghubungkan keseluruhan bentuk dengan bahagian-bahagiannya. Pada peringkat awal, murid diajar dengan menggunakan bentuk prahuruf dan gambar, seperti yang berikut:
 - a. Suaikan gambar dengan rangka gambar.
 - b. Suaikan objek dengan rangka.
 - c. Lukis corak atau bentuk prahuruf.
 - d. Sediakan banyak bentuk/rangka rajah.
 - e. Sediakan banyak latihan a, b, c, dan d.
 - iv. Pengamatan butiran, iaitu latihan untuk murid menyedari sesuatu bentuk, huruf, dan perkataan dalam sesuatu butiran. Ini boleh dilakukan dengan cara yang berikut:
 - a. Menyediakan lukisan atau corak dalam warna yang berlainan supaya menarik minat murid.
 - b. Menyediakan bentuk yang digunting dengan kemas, yang dapat dimanipulasikan sebagai ilustrasi persamaan dan perbezaan benda/objek dengan menggerakkan bahagian objek/benda itu dari satu tempat ke satu tempat.
 - c. Menggunakan anagram dan huruf yang dipotong dengan banyak.
 - v. Pembelajaran urutan visual.

Menyediakan bentuk dan gambar, membuat rantaian kertas dan pelbagai latihan untuk menguatkan kemahiran urutan visual murid. Contohnya, aktiviti memori visual. Murid didedahkan kepada satu siri corak, bentuk atau objek. Minta murid menyusun satu set lagi mengikut siri yang ditunjukkan. Guru boleh menggunakan daun terup, blok berwarna, dan blok mahjung.

Kaedah Pembelajaran Bacaan Murid Disleksia Auditori

Murid disleksia auditori lazimnya memberi respons yang positif terhadap pembelajaran bacaan yang menggunakan gambaran visual. Mereka kurang menguasai kemahiran untuk latihan analisis fonetik. Mereka lemah daya tanggapan dan ingatan kerana gangguan di dalam telinga dan gangguan kordinasi mata-fikiran.

Adaptasi Pembelajaran Bacaan

- i. Membentuk kesesuaian auditori dan visual dengan mengajar bunyi setiap huruf dan perkataan sambil menunjukkan bentuk huruf yang telah dipotong. Contohnya, persepsi auditori dan kesedaran fonem. Guru membahagikan bunyi pertuturan dengan menggunakan perkataan yang mempunyai rima yang sama.
- ii. Memilih kosa kata yang mempunyai bentuk dan bunyi yang berbeza supaya murid mudah mengenal dan membezakan huruf. Contohnya, mengenal pola bunyi. Pola bunyi boleh dihasilkan melalui tepukan tangan atau melalui paluan gendang dengan rentak cepat, cepat, perlahan, cepat. Guru meminta murid meniru pola bunyi yang dihasilkan.
- iii. Mengaitkan simbol-simbol tercetak dengan pengalaman. Ini boleh dilakukan dengan memperkenalkan ayat dan frasa yang mudah. Gunakan cerita yang berkaitan dengan pengalaman sebagai teras pembelajaran. Alat seperti *Language Master*, *Autoscore*, dan Komputer dalam Pendidikan dapat mempercepat pembelajaran bacaan murid.
- iv. Aktiviti diskriminasi auditori, iaitu menyesuaikan, mengulang, dan membezakan bunyi yang perlu dibuat dengan banyak. Contohnya, aktiviti dekat atau jauh. Murid memejamkan mata dan mendengar bunyi yang dihasilkan dan cuba meneka sama ada bunyi itu dari dekat atau dari jauh.
- v. Melakukan aktiviti seperti membentuk kesedaran dan mengecam pola auditori tanpa bahasa, meniru pola bunyi dan ritma, koordinasi pola auditori dan visual, membentuk kesedaran tentang bilangan suku kata dalam setiap perkataan, dan menekankan urutan rima sesuatu perkataan.


KESIMPULAN

Bukan semua pelajar yang lembap membaca menghidap disleksia. Ini dibuktikan daripada hasil ujian saringan yang dijalankan oleh penyelidik. Faktor lain ialah hiperaktif, terencat akal, dan faktor persekitaran (sosiobudaya dan ekonomi). Ujian JOST dan JWST merupakan dua ujian yang sesuai untuk mengesan murid disleksia di Malaysia. Definisi disleksia perlu diperjelas dengan lebih meluas kepada masyarakat umum kerana kebanyakan masyarakat Malaysia tidak mengetahui tentang disleksia. Masyarakat menyamakan murid disleksia dengan pelajar yang lembap, hiperaktif, atau terencat akal.

Daripada contoh kekerapan kesilapan bacaan tujuh subjek kajian, mereka bermasalah untuk menterjemahkan simbol bahasa bercetak kepada maksud sebenar. Mereka sukar mentafsirkan sesuatu yang dilihat dengan tepat, yakni maklumat yang dilihat tidak dapat dikeluarkan atau disebutkan dengan betul. Semasa bacaan lisan, suara subjek kajian tidak begitu jelas, bacaan tidak lancar, lambat dan teragak-agak. Intonasi suara mendatar dan tidak ada ekspresi. Daripada pemerhatian ketika melakukan ujian bacaan secara individu, didapati kesemua subjek kajian kerap melakukan gerak balas kepala. Contohnya, ketika membaca perkataan yang agak sukar, mereka akan menggerak-gerakkan kepala dan mengerutkan dahi. Ujian diagnostik JOST terbukti dapat mengesan kesilapan bacaan yang sering dilakukan oleh murid yang menghidap disleksia.

KERANGKA KONSEPSI

Tajuk Penyelidikan



RUJUKAN

- Benton, Arthur L. & Pearls, D., 1978. *Dyslexia of Current Knowledge*. New York: Oxford University Press.
- Jordan, R. Dale, 1992. *Dyslexia in the Classroom*. New York: Springer-Verag.
- Davis, Ronald D., 2001. *Gifted Minds*. California: Perigee Books.
- Gillingham & Stillman, 1979. *Analogical Reasoning in Children*. Hove: Lawrence Erlbaum Associates Ltd.
- Gupta, J.P., 1993. *Disleksia dalam Bilik Darjah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Levinson, Harold N., 1994. *Smart but Feeling Dumb*. USA: A Time Warner Company.
- Maskina Elias, 2000. *Hubungan Disleksia dengan Aspek Bacaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Miles, 1979. *Dyslexia: The Pattern of Difficulties*. London: Whurr.
- Obler, Loraine K. & Gjerlow, K., 2001. *Language and the Brain*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Strauss & Lehtinen, 1947. *Dyslexia, Scientific American*. London: Whurr.
- Zalizan Mohd. Jelas & Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 1996. Ujian Saringan Perkembangan Bahasa. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Kursus Disleksia, Port Dickson.